

Panduan Mendapatkan Salinan Keputusan Peperiksaan

1. Sijil atau pernyataan asal hanya dicetak sekali sahaja bagi semua jenis peperiksaan awam yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Salinan keputusan peperiksaan dikeluarkan bagi menggantikan sijil atau pernyataan yang hilang atau rosak.
2. Surat sumpah atau laporan polis yang asal perlu dikemukakan sekiranya permohonan dibuat melalui pos atau mewakilkan kepada orang lain untuk membuat permohonan. Walaubagaimana pun surat sumpah atau laporan polis tidak diperlukan sekiranya pemohon datang sendiri. Pemohon hanya perlu menunjukkan kad pengenalan sebagai bukti.
3. Surat sumpah atau laporan polis hendaklah mengandungi maklumat berikut:-
 - o Nama penuh yang digunakan semasa mengambil peperiksaan
 - o Nombor kad pengenalan lama dan baru
 - o Tarikh lahir
 - o Nombor pusat mengambil peperiksaan dan angka gilliran
 - o Nama peperiksaan
 - o Nama sekolah dan tahun mengambil peperiksaan
4. Sertakan bersama salinan pernyataan atau sijil (sekiranya ada) untuk rujukan.
5. Bayaran proses RM10.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Sahaja) dikenakan bagi setiap helaian salinan keputusan yang dipohon. Bayaran boleh dibuat menggunakan Wang Pos (Postal Order) atau Kiriman Wang Pos (Money Order) atas nama 'PENGARAH PEPERIKSAAN'. Cek persendirian tidak diterima.
6. Lembaga Peperiksaan tidak akan mengeluarkan salinan keputusan jika didapati mana-mana peraturan di atas tidak dipatuhi atau butir-butir yang dikemukakan tidak benar. Wang proses permohonan tidak akan dikembalikan.

Permohonan Terjemahan Sijil Peperiksaan

1. Lembaga Peperiksaan Malaysia menyediakan perkhidmatan terjemahan sijil atau pernyataan ke dalam Bahasa Inggeris.
2. Bagi permohonan terjemahan sijil atau pernyataan, sila kemukakan salinan sijil atau pernyataan atau slip keputusan (sekiranya sijil atau pernyataan belum dikeluarkan oleh LPM). Laporan polis atau surat sumpah tidak diperlukan.
3. Bayaran proses RM10.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Sahaja) dikenakan bagi setiap helaian terjemahan yang dipohon. Bayaran boleh dibuat menggunakan Wang Pos (Postal Order) atau Kiriman Wang Pos (Money Order) atas nama 'PENGARAH PEPERIKSAAN'. Cek persendirian tidak diterima.

Lain-Lain

1. Semua permohonan, samada untuk mendapatkan salinan keputusan atau terjemahan hendaklah menggunakan borang yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.
2. Borang permohonan boleh didapati daripada kaunter di aras bawah bangunan Lembaga Peperiksaan Malaysia, Blok E11, Parcel E Putrajaya, Jabatan Pelajaran Negeri (Unit Penilaian dan Peperiksaan) atau di laman web LPM, <http://apps.emoe.gov.my/lpm>
3. Semua permohonan akan diproses dalam tempoh 4 minggu daripada tarikh penerimaan permohonan yang lengkap. Sila sertakan sampul surat beralamat sendiri

dan bersetem secukupnya untuk penghantaran resit, sekiranya permohonan dibuat melalui pos.

4. Salinan Keputusan / terjemahan yang telah siap akan dihantar kepada pemohon menggunakan pos berdaftar. Sila pastikan alamat tepat dan lengkap.
5. Permohonan boleh dibuat samada melalui pos, atau datang sendiri ke bangunan Lembaga Peperiksaan Malaysia di Blok E11, Parcel E, Putrajaya.

Kaunter permohonan dibuka setiap hari bekerja.

Isnin – Khamis : 8.15 pagi – 12.30 t.hari/ 2.00 ptg – 4.30 ptg.
Jumaat : 8.15 pagi – 12.00 t.hari/ 2.45 ptg – 4.30 ptg.

- Permohonan melalui pos hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**LEMBAGA PEPERIKSAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
ARAS 5, BLOK E11,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62604 PUTRAJAYA.
(U/P: UPMPD – UNIT KECIL SIJIL) – Tel: 03-88843526 / 3528**

Nota

* Calon yang tidak pernah mengambil sijil asal tidak dibenarkan membuat permohonan salinan keputusan peperiksaan.

* Lembaga Peperiksaan tidak menyimpan sijil asal calon. Sijil asal boleh didapatkan daripada sekolah di mana calon menduduki peperiksaan atau di Unit Penilaian dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri.

Untuk maklumat lanjut sila rujuk Lembaga Peperiksaan Malaysia.



**BORANG PERMOHONAN
SALINAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN**

**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

LP/SIRL/Pin 1/06

BORANG INI DIBERI PERCUMA

1) NAMA PENUH

2) NO KAD PENGENALAN 3) JANTINA L- LELAKI
P- PEREMPUAN 4) TARIKH LAHIR

5) NO KAD PENGENALAN LAMA

6) ALAMAT POS

7) NO. TELEFON

BUTIR-BUTIR PERMOHONAN

Sila gunakan satu borang untuk satu peperiksaan sahaja

1) JENIS PEPERIKSAAN (SPM / MCE / PMR / SRP/LCE / DLL) 2) TAHUN PEPERIKSAAN :

3) NO. PUSAT/ ANGKA GILIRAN :

4) NEGERI TEMPAT MENDUDUKI PEPERIKSAAN :

5) KEPUTUSAN Pangkat / Gred

6) NAMA SEKOLAH :

JUMLAH SALINAN YANG DIKEHENDAKI: AMBIL SENDIRI POS

NO. WANG POS: JUMLAH RM : - 0 0

TARIKH PERMOHONAN :

TANDA TANGAN PEMOHON :

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

- Permohonan telah diproses
- Telah dipos tetapi dikembalikan semula kerana alamat tidak lengkap

Tidak dapat diproses kerana:

- Butir-butir yang diberikan tidak lengkap/tidak tepat
- Wang Pos tidak disertakan / Tamat Tempoh
- Surat Peringatan telah dihantar dan belum dikembalikan

TARIKH PERMOHONAN :

TARIKH DIJANGKA SIAP :

TARIKH SIAP :

TARIKH POS :

SURAT AKUAN (SUMPAAH)

Saya No. Kad Pengenalan:.....

Beralamat di.....

Dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:-

1. Sijil Asal / Slip Keputusan Peperiksaan saya telah hilang / binasa dari simpanan saya dan telah puas mencarinya tetapi tidak berjumpa.

2. Disini saya nyatakan butir-butir yang berkenaan berhubung dengan Sijil Asal / Slip keputusan Peperiksaan saya tersebut seperti ketetapan berikut:-

- a.) Nama Penuh : -.....
- b.) Kad Pengenalan Lama dan Baru : -.....
- c.) Tarikh Lahir :-.....
- d.) No. Pusat Peperiksaan:-.....
- e.) Angka Giliran :-
- f.) Nama Peperiksaan :-.....
- g.) Nama Sekolah :-.....
- h.) Tahun Peperiksaan :-.....

3. Saya membuat Surat Akuan ini adalah bagi mengesahkan kenyataan saya tersebut kepada pihak berkenaan supaya dapat diberikan kepada saya Salinan Sijil / Slip Keputusan Peperiksaan bagi menggantikan Sijil Asal / Slip Keputusan Peperiksaan yang telah hilang / binasa.

4. Dan saya membuat Surat Akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut kehendak Akta Surat Akuan 1960.

Diperbuat dan dengan sebenarnya-benarnya

Diakui oleh yang tersebut namanya diatas iaitu:-

.....
Di.....di Negeri.....di hadapan saya.....

PadaHaribulan.....